

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

HKN 304 Kajian Teks Melayu Klasik

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Mengikut A.H. Johns, bahan-bahan cerita rakyat dimasukkan ke dalam sastera sejarah kerana bentuknya bukan kerana realismenya. Dengan merujuk kepada teks Sejarah Melayu, bincangkan pandangan ini.
2. Dari sudut pandangan pengarang Sejarah Melayu, kejatuhan Melaka adalah berpunca daripada gejala-gejala fizikal dan juga metafizikal. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan di atas?
3. Di dalam Hikayat Merong Mahawangsa, resolusi politik dan Islam diperlukan untuk menyelesaikan percanggahan-percanggahan dalaman dan ambiguiti di dalam peribadi raja-raja Kedah. Huraikan sejauhmanakah resolusi-resolusi tersebut berkesan di dalam memulihkan peribadi raja-raja tersebut.
4. Bagaimanakah pembacaan intertekstual dapat dimanfaatkan untuk menganalisis dan menterjemah episod "prolog" di dalam Hikayat Merong Mahawangsa dan justeru mengesan tema teks tersebut? Bincangkan dengan memilih motif-motif tertentu.

5. Braginsky melihat watak Hang Tuah dan Raja Melaka sebagai berada di dalam satu kesatuan yang simbolik, sedangkan Parnickle melihat hubungan keduanya sebagai wujud di dalam satu situasi yang tidak stabil. Huraikan. Di dalam sfera perhubungan-perhubungan tersebut, di manakah letaknya watak Hang Jebat?

6. Tragedi Hang Jebat di dalam Hikayat Hang Tuah dapat dilihat daripada dua perspektif:
 - (a) sebagai keperluan takdir berdasarkan perwatakan Hang Jebat sendiri.
 - (b) sebagai keperluan epik untuk membina kesempurnaan perwatakan Hang Tuah.

Bincangkan.

7. Tanggapan masyarakat yang berbeza terhadap Hang Tuah dari satu zaman ke satu zaman mempengaruhi kedudukannya sebagai wira. Bagaimanakah fenomena ini dikesan secara kronologis oleh Josselin de Jong? Sejauhmanakah rumusan ini bertepatan dengan sifat karya epik itu sendiri?

8. "Maka barangsiapa membaca dia atau menengar dia jikalau orang itu ada menaruh percintaan sekalipun maka hilanglah percintaannya sebab menengar hikayat ini" (Robson).
Dengan merujuk kepada ciri-ciri puitika Syair Ken Tambuhan perlihatkan bagaimanakah Syair ini memenuhi fungsi tersebut.

-ooooOoooo-